



The Malaysian Medical Gazette

HEALTH EDUCATION

Chikungunya dan Denggi : sama tapi tidak serupa? – Dr Shaiful Ehsan


by [Hidayah](#) • February 14, 2019 • [0 Comments](#)

Baru-baru ini negara kita digemparkan dengan peningkatan mendadak kes Chikungunya iaitu sebanyak 39 kes telah dilaporkan. Dari jumlah ini, sehingga 23 kes telah dilaporkan di negeri Selangor. Namun, Chikungunya ternyata jarang diperkatakan. Adakah Chikungunya ini sama dengan demam denggi? Adakah ianya bahaya? Sebelum ini kita seringkali didedahkan berkenaan demam denggi berbanding dengan jangkitan kuman bawaan nyamuk yang lain. Oleh itu, ikuti penjelasan ringkas berikut berkenaan perbezaan dan persamaan Chikungunya dan denggi:

Perbezaan Virus:

Kedua-keduanya merupakan kuman virus yang boleh dialami oleh manusia terutama di Asia Selatan, Asia Tenggara, Afrika, Amerika Timur Mediterranean dan Pasifik Barat. Negara Malaysia tidak terkecuali, demam denggi telah lama dilaporkan di Malaysia sejak sekitar tahun 1902 manakala Chikungunya mula diperkatakan di negara kita sejak dilaporkan pada tahun 1998. Kedua-dua virus ini disebarkan kepada manusia melalui gigitan nyamuk yang sama, iaitu nyamuk Aedes. Nyamuk Aedes mudah membiak pada tempat air bersih yang bertakung seperti bekas-bekas kosong, tayar kereta terbang, lapik pasu bunga dan longkang. Kedua-dua virus ini akan menunjukkan gejala kepada pesakit dalam tempoh 3 hingga 12 hari selepas dijangkiti melalui gigitan nyamuk Aedes. Virus denggi mempunyai empat jenis virus yang berbeza manakala terdapa tiga jenis genotaip

Chikungunya (iaitu genotaip Asian, West African dan Central/East African). Wabak Chikungunya pertama kalinya berlaku pada 2008 di Malaysia.



Gejala jangkitan:

Secara umumnya, kedua-dua jangkitan ini hadir dengan gejala yang hampir sama. Malah, seseorang pesakit boleh menghidap kedua-dua penyakit dalam satu masa yang sama. Namun, amat penting untuk membezakan antara kedua-duanya kerana masing-masing memberi implikasi yang berbeza.

Chikungunya bermula dengan gejala demam panas yang mengejut berserta sakit sendi yang teruk. Ia juga mengakibatkan sakit kepala, sakit otot, sakit mata dan ruam pada kulit. Ruam kelazimannya mula muncul pada badan dan lengan. Kebiasaannya pesakit akan mengalami gejala kurang daripada seminggu dan sembuh dengan sendirinya tanpa membawa maut. Walau bagaimanapun, sebahagian pesakit mungkin boleh mengalami gejala sakit sendi yang berlarutan sehingga setahun atau lebih.

Manakala denggi boleh menyebabkan gejala demam yang berbeza keterukannya dan selalunya berlaku secara beransur. Ruam untuk denggi juga tidak berlaku sekerap yang berlaku untuk Chikungunya. Ia mula muncul di tangan, kaki dan muka. Demam denggi boleh membawa maut. Demam denggi juga boleh hadir dengan gejala-gejala yang merbahaya seperti muntah berterusan, sesak nafas, pendarahan, badan yang sangat lemah dan kurang selera makan terutama pada fasa kritikal sebelum semakin baik pada fasa pemulihan. Justeru, keperluan untuk pemerhatian dan rawatan di Hospital adalah jauh lebih tinggi untuk kes demam denggi berbanding Chikungunya.

Pengesanan:

Demam denggi dapat disahkan melalui pemeriksaan fizikal dan pemeriksaan sampel darah. Ujian pengesanan antigen dan antibodi terhadap penyakit denggi dilakukan melalui dua kaedah iaitu Ujian Rapid Denggi di klinik dan Enzyme-linked immunoassay (ELISA) di makmal. Ujian Rapid denggi merupakan kaedah paling cepat dan ringkas untuk mengesan demam denggi. Manakala kes Chikungunya pula boleh disahkan dengan pemeriksaan darah yang lebih lanjut di makmal.

Rawatan:

Rawatan kedua-dua jangkitan ini adalah sama iaitu dengan memastikan pesakit mampu mengambil minuman dan makanan secukupnya. Selalunya rawatan diberi berdasarkan gejala klinikal yang dialami oleh seseorang pesakit. Sekiranya pesakit tidak mampu minum/makan atau terdapat gejala yang merbahaya, pesakit perlu mendapatkan rawatan segera di hospital. Tidak seperti demam denggi, kebanyakan kes Chikungunya hanya memerlukan rawatan pesakit luar sahaja.

Kawalan dan pencegahan:



Kedua-dua jangkitan virus ini dapat dicegah dengan menjaga kebersihan persekitaran dan menghapuskan segala kawasan pembiakan nyamuk Aedes. Ini boleh dilakukan melalui aktiviti gotong royong. Pemeriksaan rumah dan persekitaran sekurang-kurangnya seminggu sekali amat penting untuk memastikan tiada pembiakan nyamuk Aedes. Untuk pencegahan secara individu, sapuan pencegah serangga pada kulit juga boleh dipakai jika terdedah semasa keluar bersiar, terutama semasa di siang hari. Pemakaian

baju berlengan panjang dan seluar panjang juga amat digalakkan semasa keluar bersiar.

Berikut adalah ringkasan perbezaan utama antara Chikungunya dan demam Denggi:

Perbezaan	Chikungunya	Denggi
Permulaan demam panas	Mendadak	Secara beransur
Tempoh gejala demam	1-2 hari	3-7 hari
Ruam pada kulit	Kerap berlaku	Boleh berlaku
Kehadiran gejala-gejala merbahaya	Sangat jarang	Mudah berlaku
Sakit sendi	Kebiasaannya lebih teruk, kerap berlaku dan boleh berlarutan sehingga sebulan	Berlaku untuk tempoh yang agak singkat
Keperluan rawatan di Hospital	Jarang	Kerap terutama dengan gejala-gejala merbahaya

Kesimpulannya, Chikungunya dan denggi adalah dua jangkitan kuman virus yang hampir serupa tetapi tidak sama. Denggi boleh menyebabkan kematian manakala Chikungunya boleh menyebabkan gejala sakit sendi yang sangat teruk. Apa yang penting, sekiranya anda mengalami tanda dan gejala penyakit-penyakit ini, tidak kiralah samada Chikungunya atau denggi, dapatkanlah rawatan dengan segera di klinik atau hospital berdekatan. Namun, pencegahan itu adalah jauh lebih baik dari mengubati. Bersama kita mencegah pembiakan nyamuk Aedes.

Dr. Shaiful Ehsan merupakan seorang Pakar Perubatan Keluarga di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Klinik Kesihatan di Kuantan. Beliau sangat mementingkan pendidikan kesihatan kepada semua pesakit beliau. Artikel ini ditulis sempena peningkatan kes Chikungunya untuk meningkatkan kesedaran umum.

Rujukan:

- 1) Garis Panduan Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Chikungunya Di Malaysia Edisi 2.
- 2) Clinical Practice Guidelines – Management of Dengue Infection in Adults Third Edition.
- 3) Guidelines for Prevention and Control of Chikungunya Fever. WHO, Regional Office for South-East Asia

[This article belongs to The Malaysian Medical Gazette. Any republication (online or offline) without written permission from The Malaysian Medical Gazette is prohibited.]

Like 27



Tweet

[Share](#)

Related Posts via Taxonomies

- [Bagaimana Denggi Membunuh? – Dr Nur Hidayati](#)
- [Adakah Anak Saya Dijangkiti Denggi? – Dr Dalila Roslan](#)
- [Denggi: Sikap Negatif Yang Perlu Dielakkan #MsiaEndsDengue – Dr Helmy Hazmi](#)
- [SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA Bagi Minggu 7/2014 \(9 – 15 Februari 2014\) – KKM](#)
- [Tempat Pembiakan Nyamuk Aedes – Bahagian Pendidikan KKM #MsiaEndsDengue](#)
- [Hearing Impairment: An Incidental Diagnosis in a Noise Compliant Workplace- Dr Tam Jenn Zhueng, Dr Lim Jac Fang, Dr Siti Raihana Hashim & Dr Zuraida Mohammad](#)
- [Kayap: Virus yang Bangkit dari Tidur! – Dr Nurjasmine Aida Jamani](#)
- [Parasit Kucing \(T. Gondii\) dan Bahayanya kepada Mata Manusia- Dr Siti Sarah Seri Masran & Dr Zatul-Iffah Abu Hasan](#)
- [Breastfeeding from a Nurse's Perspective – Anwari Hamzah](#)
- [Gejala Kecelaruan Panik – Dr Zul Azlin Razali](#)

Tags: [chikugunya](#) [denggi](#)

[← Gejala Kecelaruan Panik – Dr Zul Azlin Razali](#)

[Breastfeeding from a Nurse's Perspective – Anwari Hamzah →](#)

Leave a Reply

Your email address will not be published. Required fields are marked *

Comment



Please type the characters of this captcha image in the input box

Name *

Email *


Website

Post Comment

THE SPEAKSPACE



VACCINES WORK



SOCIAL MEDIA



The Twitter logo, featuring the word "twitter" in a white, lowercase, sans-serif font next to a white bird icon on a blue background.The Instagram logo, featuring a white camera icon on a red-to-orange gradient background.

Instagram

The YouTube logo, featuring a red play button icon on a white background.

YouTube

CATEGORIES

- [#ForMedicalStudents](#)
- [#HealthyRamadhan](#)
- [#MsiaEndsDengue](#)
- [#SmokeFreeMY](#)
- [Allied Health/Kesihatan Bersepadu](#)
- [Back to School](#)
- [Breast Cancer Awareness](#)
- [Cancer/Barah](#)
- [Dental/Pergigian](#)
- [Dermatology/Dermatologi](#)
- [DoctorOnCall](#)
- [DoctorOnCall](#)
- [Early Career Psychiatric Chapter \(ECP\)](#)
- [Editorials](#)
- [Emergency Medicine/Perubatan Kecemasan](#)
- [ENT/Telinga, Hidung & Tekak](#)
- [Feature Articles](#)

- Floods & Health
- General/Umum
- Health Education
- Heart Awareness Month
- Infectious Diseases/Penyakit Berjangkit
- Internal Medicine/Perubatan Dalaman
- Kejururawatan/Nursing
- Letters To Editor
- Lifestyle/Gaya Hidup
- Medical & Literature
- Medication/Ubat-ubatan
- Medicine & Law/Undang-Undang Perubatan
- Men's Health/Kesihatan Lelaki
- Ministry of Health/Kementerian Kesihatan Malaysia
- News & Announcements
- Non-communicable Disease/Penyakit Tidak Berjangkit
- Obstetric/Obstetrik
- Occupational Health/Kesihatan Pekerjaan
- Opinions
- Ophthalmology/Mata
- Ophthalmology/Ophthalmologi
- Optometri/Optomety
- Orthopaedics/Ortopedik
- Paediatrics/Pediatriks
- Physiotherapy/Fisioterapi
- Psychiatry/Psikiatri
- Public Health/Kesihatan Awam
- Research/Kajian Saintifik
- Sonography/Sonografi
- Surgery
- WNTD2014
- Women's Health/Kesihatan Wanita
- World Breastfeeding Week 2014
- Young Columnists Program

OWNED BY



DISCLAIMER

The Malaysian Medical Gazette (PPM-007-12-13092013) formed under Malaysian Integrated Medical Professionals Association is an informational website featuring news, issues and medical facts written by specialists, doctors and healthcare professionals.

It is not a substitute for medical consultation.

All facts written were authenticated by the respective authors and true at the time of publication.

Copyright © 2019 [The Malaysian Medical Gazette](#). All Rights Reserved.
The Magazine Basic Theme by [bavotasan.com](#).